

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur 18 tahun ke atas pada tarikh iklan ditutup dipelawa untuk memohon jawatan seperti berikut :-

1. Jawatan/Kumpulan/Skim Perkhidmatan

- (a) Jawatan : Pengawal Keselamatan Gred KP11
- (b) Kementerian/Jabatan : Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Keselamatan Dan Pertahanan Awam

2. **Jadual Gaji Gred KP11** : P1T1 RM740.62 - P1T21 RM1714.26
P2T1 RM783.09 - P2T21 RM1802.40
P3T1 RM827.19 - P3T21 RM1892.17

3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
(ii) bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - (v) pegecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

- dan (e) calon yang memiliki kelayakan di perenggan 3(c) (i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, **apabila telah disahkan dalam perkhidmatan** dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Taraf Jawatan : Tetap

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. Fungsi Bidang Tugas

Bertanggungjawab membuat rondaan di dalam dan luar bangunan, mendaftar dan mengeluarkan pas keselamatan kepada pelawat/pekerja dan melaporkan semua pelanggaran peraturan keselamatan kepada Penolong Pegawai Keselamatan.

8. Cara Memohon

- (a) Pemohonan hendaklah menggunakan Borang KPKK 01/09 yang boleh didapati dari **Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan, Cawangan Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 4, Blok F, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn, 50610 Kuala Lumpur** atau dalam laman web Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan Malaysia <http://www.kpkk.gov.my>.
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan Sijil Kelahiran, Salinan Kad Pengenalan, Salinan Sijil-Sijil Persekolahan dan kelulusan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang telah **disahkan**.

- (c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi terkini dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Pengisytiharan Harta.
- (d) Nama jawatan yang dipohon hendaklah ditulis di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- (e) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK**:
 - (i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
 - (ii) tidak lengkap atau tidak terang;
 - (iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (iv) tidak ditulis nombor Kad Pengenalan;
 - (v) tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat; dan
 - (vi) tidak ditandatangani.

9. Alamat Permohonan dan tarikh tutup

- (a) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada :

**Ketua Setiausaha
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan Malaysia
Cawangan Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 4, Blok F
Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana
Jalan Dato' Onn, 50610 Kuala Lumpur**

Tarikh tutup permohonan : Tiada tarikh tutup permohonan

*Tempoh Sah Laku permohonan adalah selama setahun. Sekiranya calon masih berminat, permohonan perlu diperbaharui selepas **SETAHUN**.*

- (b) Calon-calon yang ingin memohon Borang KPKK 01/09 melalui Pos hendaklah menyertakan sampul surat berukuran 16sm x 23sm beralamat sendiri dan dilekatkan setem RM0.50 dan di hantar ke alamat di atas.
 - (i) Hanya pemohon yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temu duga apabila ada kekosongan bagi jawatan yang dipohon
 - (ii) Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga tersebut
 - (iii) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temu duga akan dimaklumkan

Iklan Pengawal KP11